

08/04/1997

Lebih 130 firma sertai ekspo BSKL

LEBIH 130 syarikat akan mengambil bahagian dalam ekspo 'Memenuhi Cabaran Alaf Akan Datang' anjuran Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), yang dijadual berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur dari 14 hingga 17 Ogos ini.

BSKL, dalam kenyataan yang dikeluarkan di Kuala Lumpur, semalam berkata ekspo itu ialah sebahagian daripada program sambutan pemindahan operasinya ke bangunan baru yang dijangka dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 15 Ogos ini.

Menurutnya, antara lain ekspo yang diadakan itu bertujuan mengetengahkan kegiatan dan prestasi syarikat yang disenaraikan bagi membolehkan pelawat mengetahui pelbagai aspek mengenainya.

Katanya, peserta ekspo itu membabitkan syarikat daripada pelbagai bidang ekonomi termasuk perantara dan pengusaha sektor perkhidmatan kewangan, badan pengawal selia dan pihak yang berkaitannya.

"Dengan penyertaan daripada pelbagai peringkat itu, ekspo ini dijangka boleh menjadi satu daripada peluang baik untuk orang ramai mengetahui lebih mendalam mengenai pelaburan mereka," katanya.

Sejajar dengan tema ekspo, syarikat yang menyertainya dijangka mengetengahkan pelbagai matlamat dan wawasan masa depan mereka dalam membantu menjayakan hasrat Malaysia menjadi sebuah negara maju.

(END)